

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYURAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD  
[MERSING]**

**TARIKH : 18 JULAI 2019, KHAMIS**

**SOALAN**

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah atau inisiatif Kementerian mengenai pembangunan modal insan dalam bidang teknologi digital bagi memperkukuhkan bakat untuk peluang pekerjaan dalam era ekonomi digital serta memenuhi keperluan Industri 4.0.

**JAWAPAN**

1. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui agensinya MDEC sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif dalam ekosistem pembangunan modal insan secara holistik, kondusif dan inklusif bagi memenuhi keperluan industri pada masa hadapan terutamanya dalam menuju era Industri 4.0. Bagi memperhebatkan usaha pembangunan bakat teknologi sebagai komponen utama untuk memacu ekonomi digital, strategi dan program yang dilaksanakan adalah bermula dari peringkat sekolah, universiti dan seterusnya sehingga ke peringkat profesional.

2. Berikut adalah antara program dan usaha-usaha yang telah dilaksanakan:

- Melalui program MyDigitalMaker, MDEC telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi menerapkan integrasi sains komputer dan kemahiran pemikiran komputasional dalam kurikulum sekolah kebangsaan bermula pada tahun 2017. Di bawah gerakan program ini juga, seramai lebih 500,000 murid